

CALON S. BESI PM TIDAK BAHU

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak "sedar" tentang pencalonan Pengerusi MCA Bahagian Sungai Besi, Enck Kee Yong Wee untuk merebut kerusi Parlimen Sungai Besi dalam pilihanraya umum akan datang.

Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional (BN) menambah, beliau perlu berjumpa dengan Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choo dulu sebelum dapat mengulas lebih lanjut perkara tersebut.

"Saya tidak menyedari perkara ini (pengumuman oleh Datuk Lee mengenai pencalonan Enck Kee untuk bertanding di kawasan Parlimen Sungai Besi).

"Saya hanya melihatnya melalui akhbar. Mungkin pihak akhbar sendiri yang mengemukakan dan saya perlu menemui Datuk Lee dahulu sebelum dapat mengulanya." — Jelasnya hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman Datuk Lee tentang pencalonan Enck Kee untuk merebut kerusi Parlimen Sungai Besi.

Tersenyum

Perdana Menteri kelihatan tenang dan menjawab soalan yang dikemukakan kepadanya sambil tersenyum. Terdahulu dari itu, beliau merasmikan Simposium Antarabangsa Kedua mengenai "Pengembangan Simponan Perseorangan di negara-negara membangun di sini.

Para pemberita yang mengurumi Perdana Menteri tidak berkesempatan menyوالnya lebih lanjut kerana beliau terpaksa beredar dari majlis sebaik sahaja selesai jamuan ringan.

Sesetengah Datuk Lee ketika membuat pengumuman berkenaan menyebut, Perdana Menteri telahpun bersetuju dengan pencalonan Enck Kee, seorang jurutera awam untuk bertanding di kawasan itu.

Semalam, ramal tokoh dan pemimpin UMNO melahirkan rasa "kurang senang" mereka dengan pengumuman tersebut, yang mereka sifatkan sebagai "tidak kena pada waktunya". Mereka berpendapat Presiden Kebangsaan MCA itu tidak seharusnya membuat pengumuman tersebut kerana Perdana Menteri sehingga ini masih

belum menetapkan tarikh pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihanraya umum diadakan.

Menurut mereka, perkara yang paling "tidak diperseutujui" ialah langkah Datuk Lee perubatan Datuk Lee mengaitkan nama Datuk Seri Dr. Mahathir ketika membuat pengumuman berkenaan.

Mereka selanjutnya berkata, pengumuman tersebut seolah-olah memberi gambaran kepada orang ramai bahawa pilihanraya umum akan diadakan tidak jauh dari sekarang.

Kubu DAP

Kawasan Parlimen Sungai Besi merupakan kubu kuat DAP dan kini dipegang oleh Enck Chan Kok Kit. Beliau menang dengan majoriti 33,687 undi dalam pilihanraya umum tahun 1978. Sebelum itu, wakilnya ialah Farn Siang Teng, Jaga dari DAP.

Pecahan penduduk mengikut kaum di kawasan tersebut ialah 72 peratus Cina, 22 peratus Melayu dan enam peratus India serta lain-lain kaum.

Sementara itu, di Bruas, Parti Progresif Rakyat (PPP) hari ini meminta jasa baik Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya memberikan sebuah lagi kerusi Parlimen dan sebuah kerusi Dewan Negeri — tukunya dalam pilihanraya

umum akan datang. Presiden PPP Senator S.I. Rajah memberitahu, pihaknya meminta kerusi Parlimen Segamat di Johor dan kerusi Negeri Sungai Ketil di Kedah.

Sokongan

Kini PPP menguasai kerusi Parlimen Bruas dan kerusi-kerusi Negeri Chemor, Buntong, Gopeng dan Pantal Bemis, kesemuanya di Perak.

Senator Rajah mendakwa PPP masih mempunyai ramal ahli yang membayar yuran — seramai 9,000 orang di Sungai Ketil dan 5,000 orang di Segamat dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Di negeri ini pula, katanya, sokongan rakyat kepada PPP masih kuat kerana rakyat menghargai parti itu yang telah banyak berjasa kepada mereka semasa bawah pimpinan adik beradik mendiang D.R. dan S.P. Seenivasagam.

Senator Rajah bagai mana pun menegaskan pihaknya akan tetap mematuhi setiap keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional yang menentukan calon pilihanraya nanti.

Beliau memberitahu PPP sudah pun menyiapkan jenteranya bagi menghadapi pilihanraya umum dan akan memberi kerjasama tidak berbelah kepada setiap calon Barisan Nasional.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia